

# UMS, SaBC meterai kerjasama bangun koleksi kultur bakteria

DE 25/06/2020 - 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB) pada Rabu memeterai satu perjanjian kerjasama dengan Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC) bagi membangunkan koleksi kultur bakteria yang sedia ada dan baharu dari beberapa lokasi di Sabah.

Menurut kenyataan IPB, kerjasama yang melibatkan peruntukan penyelidikan sebanyak RM500,000 dari SaBC dengan tempoh perjanjian setahun itu ditandatangani dalam satu Majlis Menandatangani Kontrak Penyelidikan antara kedua-dua pihak di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif (BMLE), Bangunan Canselor UMS. UMS diwakili oleh Naib Canselor, Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin manakala SaBC diwakili oleh Setiausaha, Gerald Jetony untuk menandatangan.

Melalui projek kerjasama itu, UMS akan membantu SaBC dalam membangunkan

koleksi kultur bakteria sedia ada dan baharu dari lokasi Pulau Sipadan, Pulau Mabul, Pulau Mataking, Lembah Danum dan Pusat Pemuliharaan Ngarai Imbak.

Projek penyelidikan tersebut diterajui oleh Pengarah IPB Dr Zarina Amin selaku ketua projek dan Prof Dr Clemente Michael Wong Vui Ling yang merupakan pakar penyelidikan mikrobiologi molekular dari institut tersebut.

Dalam pada itu, Dr Zarina menjelaskan, dengan kepakaran dan prasarana berteknologi tinggi yang terdapat di institut tersebut, IPB UMS berkeupayaan untuk membantu Kerajaan Sabah khususnya dalam membangunkan koleksi kultur bakteria buat kali pertamanya di negeri ini.

"Ini terutamanya bagi bakteria yang berpotensi mempunyai aplikasi penting dalam bidang perubatan dan industri seperti enzim dan sebatian biokimia yang lain," katanya.